

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 8/9/2007

Bukan bajet pilihan raya

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Bajet 2008 bukan 'bajet pilihan raya' tetapi lebih kepada usaha kerajaan untuk mencapai Misi Nasional dan sasaran-sasaran lain yang telah ditetapkan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bajet itu juga menyaksikan apa yang mahu dicapai oleh kerajaan selama ini iaitu pendemokrasian pendidikan dan hasrat untuk menyediakan pendidikan percuma sudah menjadi kenyataan.

"Bajet 2008 ini memberi tumpuan kepada satu faktor yang amat penting iaitu satu dari lima teras Misi Nasional iaitu pembangunan modal insan. Bajet kali ini banyak insentif dan peruntukan tambahan kepada modal insan.

"Apabila yuran sekolah, skim buku teks diberikan kepada semua tidak mengira pendapatan ibu bapa bererti tidak ada alasan untuk sesiapa tercicir dari sistem pendidikan negara kita melainkan mereka sengaja mahu berhenti dari sekolah," katanya dalam sidang akhbar selepas pembentangan Bajet 2008 di Parlimen hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini jelas dilihat dalam pembentangan Bajet 2008 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah menjadikan pendidikan asas di negara ini seratus peratus percuma.

Selain pendidikan asas, kata Najib, kerajaan juga menambah peruntukan dalam pemberian biasiswa dan insentif untuk pendidikan sepanjang hayat bagi membolehkan setiap rakyat Malaysia mendapat peluang pendidikan terbaik.

"Saya anggap Bajet 2008 sebagai satu belanjawan yang akan memberikan suntikan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan serta kualiti hidup rakyat," katanya.

Mengenai Kementerian Pertahanan yang tidak disentuh dalam pembentangan Bajet



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan Najib Tun Razak selepas membentangkan Bajet 2008 di Parlimen semalam.

2008 oleh Abdullah, Najib berkata, peruntukan telah disediakan, cuma ia tidak dimasukkan dalam ucapan Perdana Menteri hari ini.

Menurutnya, bajet untuk semua kementerian itu telah dimasukkan dalam satu

buku khas yang merangkumi perbelanjaan pengurusan dan pembangunan setiap kementerian dan bagi Kementerian Pertahanan, ia termasuk usaha untuk menggantikan pesawat Nuri yang telah diumumkan sebelum ini.

Ditanya sama ada bajet itu sudah cukup untuk diterjemahkan dalam bentuk undi, beliau berkata, segala-galanya terserah kepada rakyat untuk membuat keputusan kerana kerajaan telah melakukan yang terbaik untuk setiap lapisan rakyat.